

16 nelayan Vietnam didenda RM1.7 juta

KUALA TERENGGANU - Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu di sini semalam menjatuhkan hukuman denda RM1.7 juta terhadap 16 nelayan Vietnam termasuk dua tekong kerana menangkap ikan menggunakan pukot tunda daripada dua bot tanpa kebenaran pada Mac lalu.

Bagi 14 nelayan yang ada di dalam kedua-dua vesel tersebut, masing-masing dikenakan denda RM50,000 atau setahun penjara manakala dua tekong, masing-masing didenda RM500,000 atau dua tahun penjara.

Mahkamah turut memerintahkan kedua-dua bot, peralatan komunikasi dan navigasi serta peralatan menangkap ikan milik kedua-dua bot dan hasil tangkapan laut sebanyak 1.7 tan keseluruhan dilucut hak



Seramai 16 nelayan Vietnam mengaku salah kerana menangkap ikan menggunakan pukot tunda tanpa kebenaran di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam.

kepada kerajaan Malaysia.

Keputusan dibuat selepas mereka yang berusia antara 19 hingga 50 tahun itu mengaku salah melakukan kesalahan itu di 87.7 batu nautika dari Kuala Terengganu antara jam 7.30 pagi hingga 8 pagi pada 6 Mac lalu.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Mohamad Afiq Taqiudin Roslan di hadapan Hakim Azman Mustapha manakala kesemua tertuduh tidak diwakili peguam.